

# Maklumat Komoditi : Asam Gelugur

## Maklumat Umum

### PENGENALAN

Popular dengan nama 'Asam Gelugur' di kalangan penduduk tempatan, *Garcinia atroviridis* merupakan tumbuhan asli di Asia Tenggara dan India.

Bahagian buah asam gelugur mengandungi banyak asid organik seperti asid sitrik, asid tartarik, asid malik, asid askorbik, asid pentadekanoat, asid nonadekanoik, asid dodekanoik dan yang paling menarik ialah asid hidroksikrit. Asid hidroksikrit dikomersilkan sebagai produk pengurusan berat badan. Ia memainkan peranan penting dalam berat badan dan selera makan; ia menghalang pengeluaran enzim hepatic ATP sitrat-lyase. Enzim ini menukar karbohidrat yang berlebihan menjadi lemak. Ia juga merangsang sintesis glikogen hepatic daripada glukosa.

### CIRI-CIRI MORFOLOGI

Pokok asam gelugur adalah tanaman saka yang mempunyai batang utama dan bercabang di bahagian atas. Bentuk pokok asam gelugur bergantung kepada sistem cabang. Pada keseluruhannya bentuk pokok asam gelugur seperti kubah, oval atau memanjang, boleh mencapai ketinggian melebihi 20 meter. Jika ditanam dari biji bentuk pokok lebih tirus dan tinggi batang utamanya serta kurang bercabang.

Pokok asam gelugur mempunyai akar tunjang yang panjangnya mencapai 6 m ke dalam tanah. Pemanjangan akar tunjang ini terhenti apabila ia mencapai paras air tanah. Akar-akar cabang banyak terbentuk selepas ini, terutama di bawah permukaan tanah.

Daunnya adalah (*simple leaf*) dan tersusun secara berpasangan selari pada ranting. Bentuk daun lonjong panjang menirus, permukaan licin, berwarna kemerahan ketika pucuk muda dan hijau tua bila matang. Bahagian lai daun selalunya berbentuk 'lanseolat' atau 'elliptic' dan berukuran sehingga 20 - 30 cm panjang dan 6 - 10cm cm lebar dan tangkai daun 2 - 3cm.

Pokok asam gelugur mengeluarkan daun (*flushes*) secara berperingkat-peringkat. Daun muda adalah nipis, lembut, licin dan berwarna kemerahan. Dalam masa pengeluaran daun muda, pembesaran daun mencapai saiz yang maksima dalam tempoh yang singkat. Ini diikuti dengan tempoh kematangan dimana tiada lagi aktiviti pembesaran berlaku. Proses pengeluaran daun muda tidak serentak di semua pokok. Bila matang, daun menjadi tebal, keras, besar dan berwarna hijau tua.

Pokok asam gelugur mengeluarkan bunga tunggal dan kadang kala lebih dari satu dikatakan pokok jantan yang terletak di bahagian hujung ranting. Biasanya bunga asam gelugur bersifat biseks iaitu organ jantan dan betina terdapat pada satu bunga, tetapi ada juga pokok asam gelugur yang bersifat diesius iaitu bunga jantan dan betina pada pokok yang berlainan.

Buah asam gelugur boleh diklasifikasi dalam kelompok buah tunggal. Rasanya sangat masam walaupun masak ranum. Bentuk buah adalah bulat dengan saiz 7 - 12cm diameter dan mempunyai jalur membujur kebawah selari sebanyak 10 - 14 jalur. Buah akan luruh sendiri bila masak ranum. Terdapat 1 - 5 biji didalamnya tetapi adakalanya tiada berbiji bergantung kepada baka.

### KHASIAT DAN KEGUNAAN

Asam gelugur biasanya digunakan sebagai agen perasa dalam masakan. Buah yang masak dihiris, dikeringkan dan digunakan untuk memberikan sensasi masam dalam hidangan untuk menggantikan asam jawa. Sementara itu, pucuk dan daun berdaun muda dimakan segar atau dimasak sebagai sayuran. Di Thailand, asam gelugur dimasukkan ke dalam campuran sup Tom-Yum. Bahagian tumbuhan juga memberikan beberapa nilai perubatan dalam perubatan rakyat Asia. Ia digunakan sebagai ubat pra dan postpartum dalam merawat sakit perut akibat kehamilan dan sebagai losyen. Ia juga digunakan untuk merawat sakit telinga, batuk, kerengsaan tekak, kelemumur dan meningkatkan peredaran darah.